



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5/1/2013



## Dr. M sedih kehilangan Kanang, model orang cintakan negara

UM-5/1/2013

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) hari ini menyatakan kesedihan beliau atas pemergian pahlawan negara, Pegawai Waran 1 (B) Datuk Temenggong Kanang Anak Langkau.

Beliau menyifatkan mendiang sebagai rakyat Malaysia yang harus dijadikan teladan dan dicontohi atas rasa cintanya kepada negara yang sukar disamakan dengan orang lain.

Dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini, katanya, Kanang

adalah model paling layak untuk menggambarkan orang yang cintakan negara ini.

"Beliau bersedia mempertahankan negara walaupun mendatangkan bahaya pada dirinya. Diharapkan Kanang akan kekal dalam ingatan semua

rakyat Malaysia," katanya.

Kanang, 68, meninggal dunia semalam di Hospital Umum Sarawak kerana serangan jantung.

Mendiang akan diberikan penghormatan negara apabila disemadikan Ahad ini.